

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sebab konsesi Lebuh Raya KIDEX diluluskan walaupun ianya hanya dapat mengurangkan kesesakan trafik sebanyak 4% secara purata; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa untuk menolak projek Lebuh Raya KIDEX.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kenyataan bahawa kelulusan diberikan terhadap lebuh raya KIDEX berdasarkan penurunan kesesakan trafik sebanyak 4% secara purata adalah tidak tepat.

Ini kerana setiap penurunan atau pertambahan jumlah trafik perlulah dilihat bagi kesemua jalan yang terlibat bagi mengenalpasti impak trafik samada penambahbaikan perlu dilaksanakan ataupun tidak bagi jalan yang terlibat. Selain itu, terdapat beberapa parameter yang perlu diambil kira bagi mengenalpasti impak trafik terhadap jalan iaitu;

1. Kapasiti jalan; dan
2. *Level of Service (LOS)*

Berdasarkan kajian trafik yang telah dijalankan, sekiranya lebuhraya ini tidak dilaksanakan dalam tempoh masa yang terdekat, dijangkakan kesesakan trafik akan bertambah teruk terutamanya di kawasan Petaling Jaya. Dengan adanya Lebuhraya KIDEX, dijangkakan antara kawasan yang akan mengalami penurunan jumlah trafik ialah Plaza Tol *North Klang Valley Expressway (NKVE)* di Damansara sebanyak (-16%), Jalan Utara sebanyak (-21%), Jalan Semangat sebanyak (-18%) dan Jalan Templer sebanyak (-21%).

Punca kesesakan trafik yang berlaku di jalan-jalan tempatan sedia ada di Petaling Jaya adalah disebabkan kebanyakan pengguna menggunakan jalan tersebut sebagai jalan pintas dari Puchong ke Damansara dan sebaliknya. Dengan adanya lebuhraya KIDEX,

kesesakan trafik yang berlaku di Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP) dan jalan-jalan tempatan sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut dapat dikurangkan. Selain itu, KIDEX juga dapat menghubungkan secara terus laluan ke beberapa lebuhraya utama iaitu NKVE, SPRINT, FHR2, NPE, KESAS dan Lebuhraya Bukit Jalil supaya kadar penyuraian trafik dapat dipercepatkan.

Ingin dinyatakan bahawa, Lebuhraya KIDEX bukan merupakan satu-satunya penyelesaian bagi isu trafik yang berlaku di Petaling Jaya. Namun begitu, Lebuhraya KIDEX akan memberi banyak manfaat kepada pengguna lebuhraya dan dapat mengurangkan isu kesesakan trafik yang teruk di sekitar Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Perjanjian Konsesi projek Lebuh Raya KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013 oleh Kementerian Kerja Raya bagi pihak Kerajaan Malaysia dan syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah untuk pembinaan lebuh raya ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian. Terima kasih.